



Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato’/YBrs. Dr./Tuan/Puan

2. Sukacita disertakan laporan pemantauan akhbar dan berita berkaitan dengan Kementerian ini bertarikh 15-17 April 2023 (Sabtu-Isnin) untuk makluman dan perhatian sewajarnya.

Disediakan oleh,
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1	<p>Senior Citizens Bill Already Drafted, To Be Presented Next Year, Says Nancy</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/14/senior-citizens-bill-already-drafted-to-be-presented-next-year-says-nancy</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/662247</p> <p>https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/04/14/nancy-shukri-women-ministry-has-drafted-senior-citizens-bill/64811</p> <p>https://www.thesundaily.my/local/nancy-kpwkm-has-drafted-senior-citizens-bill-DO10872908</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2181817</p>	<p>The Star</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Malay Mail</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernama</p>	Neutral

	<p>https://www.sinarharian.com.my/article/254504/berita/nasional/kpwkm-draf-ruu-warga-emas</p> <p>https://headtopics.com/my/nancy-shukri-women-ministry-has-drafted-senior-citizens-bill-37949400</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Head Topics</p>	
2	<p>Ministry Continues To Help Women Generate Income, Improve Living Standards</p> <p>https://www.themalaysianinsight.com/s/438304</p> <p>https://tvstv.my/2023/04/16/kpwkm-terus-bantu-wanita-jana-pendapatan-melalui-program-wanita-bangkit/</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/04/900349/kpwkm-continues-help-women-generate-income-wanita-bangkitkpwkm-programme</p> <p>https://suara.tv/16/04/2023/kursus-bimbingan-perniagaan-mykasih-bantu-wanita-ibu-tunggal/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-terus-bantu-wanita-jana-pendapatan-melalui-program-wanita-bangkitkpwkm-415749</p> <p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2182279</p> <p>https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2182284</p>	<p>The Malaysia Insight</p> <p>TVSTV</p> <p>NST</p> <p>Suara TV</p> <p>Astro Awani</p> <p>Bernamea</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
3	<p>Ibu Bapa Kena Tindakan Jika Anak Cedera Main Mercun</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254707/berita/nasional/ibu-bapa-kena-tindakan-jika-anak-cedera-main-mercun</p> <p>https://www.thevibes.com/articles/news/90453/please-monitor-children-playing-with-fireworks-aiman-athirah</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Vibes</p>	Neutral

	<p>https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2181989</p> <p>https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/15/parents-reminded-to-monitor-children-playing-with-firecrackers-fireworks</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kpwkm-nasihati-ibu-bapa-awasi-anakanak-main-mercun-bunga-api-415594</p> <p>https://www.nst.com.my/news/nation/2023/04/899894/parents-reminded-monitor-children-playing-firecrackers-fireworks</p> <p>https://selangorkini.my/2023/04/ibu-bapa-diingatkan-pantau-anak-anak-main-mercun-tindakan-tegas-jika-abai/</p> <p>https://api.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/957178/ibu-bapa-tolong-pantau-anak-yang-main-bunga-api-mercun</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/61657-pantau-anak-anak-main-mercun-bunga-api</p> <p>https://www.sinardaily.my/article/194009/malaysia/nasional/parents-reminded-to-monitor-children-playing-firecrackers-fireworks</p>	<p>Bernama</p> <p>The Star</p> <p>Astro Awani</p> <p>NST</p> <p>Selangor Kini</p> <p>Harian Metro</p> <p>Berita RTM</p> <p>Sinar Daily</p>	
4	<p>Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak Akan Ditubuh Awal 2026</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-akan-ditubuh-awal-2026/</p> <p>https://headtopics.com/my/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-akan-ditubuh-awal-2026-37987502</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/16/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-akan-ditubuh-awal-2026/</p>	<p>Utusan</p> <p>Head Topics</p> <p>Warta Oriental</p>	Neutral
5	<p>Kerajaan Sarawak Komited Tangani Masalah Gelandangan</p>		Neutral

	https://tvstv.my/2023/04/15/kerajaan-sarawak-komited-tangani-masalah-gelandangan/	TVSTV	
6	<p>Kanak-Kanak Berusia Setahun Antara 6 Pengemis Ditahan</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254803/berita/s emasa/kanak-kanak-berusia-setahun-antara-6-pengemis-ditahan</p> <p>https://www.thesundaily.my/cerita/berita/op-bersepadu-pengemis-kanak-kanak-berusia-setahun-antara-enam-ditahan-HB10880025</p> <p>https://www.bernama.com/bm/wilayah/news.php?id=2182295</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>The Sun Daily</p> <p>Bernamea</p>	Neutral
7	<p>Wanita Rohingya Bawa Dua Anak Jual Tisu Menangis Dicekup Pihak Berkuasa</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/16/wanita-rohingya-bawa-dua-anak-jual-tisu-menangis-dicekup-pihak-berkuasa/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=wanita-rohingya-bawa-dua-anak-jual-tisu-menangis-dicekup-pihak-berkuasa</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1090674/wanita-myanmar-menangis-dicekup</p>	<p>Kosmo</p> <p>Berita Harian</p>	Neutral
8	<p>Kanak-Kanak Autisme Hilang Dari Rumah</p> <p>https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1090054/kanak-kanak-autisme-hilang-dari-rumah</p> <p>https://www.youtube.com/watch?v=P9yRcj06Q1U</p> <p>https://dayakdaily.com/kanak-kanak-austime-hilang-di-bau-ditemui-mati/</p> <p>https://mykmu.net/2023/04/15/kanak-kanak-autisme-hilang-dari-rumah/</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/61688-kanak-kanak-oku-hilang-di-bau</p>	<p>Berita Harian</p> <p>Astro Awani</p> <p>Dayak Daily</p> <p>MYKMU</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral

	https://tvstv.my/2023/04/15/mayat-kanak-kanak-autisme-hilang-ditemukan-terapung-di-sungai/	TVSTV	
9	<p>Dua Kanak-Kanak Lemas Ketika Mandi Sungai</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-sungai/</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/957322/2-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-sungai</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/15/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-sungai/</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254670/berita/s-emas/tak-sangka-keluarkan-anak-sendiri-anak-jiran-dari-dasar-sungai</p>	<p>Utusan</p> <p>Harian Metro</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral
10	<p>Polis Kesan Doktor Wanita Bantu Siasatan Kes Rogol Remaja</p> <p>https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-kesan-doktor-wanita-bantu-siasatan-kes-rogol-remaja/</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-kesan-doktor-wanita-bantu-siasatan-kes-rogol-remaja-415676</p>	<p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
11	<p>Wanita Menangis Atas Jambatan Tertekan Bukan Mahu Bahayakan Diri – Polis</p> <p>https://malaysiagazette.com/2023/04/15/wanita-menangis-atas-jambatan-tertekan-bukan-mahu-bahayakan-diri-polis/#</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/957123/wanita-menangis-atas-jambatan</p> <p>https://www.malaysiakini.com/news/662283</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254604/berita/s-emas/wanita-menangis-atas-jambatan-putrajaya-kerana-tertekan---polis</p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Malaysia Kini</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	https://www.kosmo.com.my/2023/04/15/wanita-menangis-atas-jambatan-kerana-keputusan-mahkamah/	Kosmo	
12	<p>Wanita Kematian Suami Mahu Kuat Demi 4 Anak</p> <p>https://www.kosmo.com.my/2023/04/17/wanita-kematian-suami-mahu-kuat-demi-4-anak/</p>	Kosmo	Neutral
13	<p>Wanita Warga Emas Ditemui Meninggal Dunia Dalam Bilik Tidur</p> <p>https://www.sinarharian.com.my/article/254800/berita/s-emas/wanita-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia-dalam-bilik-tidur</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/wanita-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia-dalam-bilik-tidur-415763</p>	<p>Sinar Harian</p> <p>Astro Awani</p>	Neutral
14	<p>Wanita China 'Pukau' Warga Emas Serah Wang Tunai, Barang Kemas</p> <p>https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956866/wanita-china-pukau-warga-emas-serah-wang-tunai-barang-kemas</p> <p>https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pukau-dan-samun-warga-emas-dua-wanita-warga-china-ditahan-415474</p> <p>https://berita.rtm.gov.my/index.php/semasa/61625-kes-pukau-dua-warga-china-antara-yang-ditahan</p>	<p>Harian Metro</p> <p>Astro Awani</p> <p>Berita RTM</p>	Neutral
15	<p>Warga Emas Ditemukan Mati Dalam Rumah Terkunci Di Tawau</p> <p>https://wartaoriental.com/2023/04/16/warga-emas-ditemukan-mati-dalam-rumah-terkunci-di-tawau/</p> <p>https://sabahnews.com.my/warga-emas-maut-di-dalam-rumah-terkunci/</p>	<p>Warta Oriental</p> <p>Sabah News</p>	Neutral
16	<p>Kanak-Kanak OKU Dakwa Dicapul Pengawal Keselamatan</p>		Negatif

https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/kanak-kanak-oku-dakwa-dicabul-pengawal-keselamatan/	Utusan
https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1090601/pengawal-keselamatan-disyaki-cabul-oku-ditahan?utm_source=bh&utm_medium=terkinitabhp	Berita Harian
https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/957318/pengawal-keselamatan-raba-remaja-oku-minta-pipi-dicium	Harian Metro
https://www.buletintv3.my/jenayah/remaja-oku-dicabul-pengawal-keselamatan/	Buletin TV3
https://alhijrahnews.com/pengawal-keselamatan-cabul-gadis-oku/	Alhijrah
https://wartarakyat.com.my/index.php/2023/04/15/remaja-perempuan-oku-dicabul-pengawal-keselamatan/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=remaja-perempuan-oku-dicabul-pengawal-keselamatan	Warta Rakyat

SENIOR CITIZENS BILL ALREADY DRAFTED, TO BE PRESENTED NEXT YEAR, SAYS NANCY

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/04/14/senior-citizens-bill-already-drafted-to-be-presented-next-year-says-nancy>

Sumber : The Star



PUTRAJAYA: The Women, Family and Community Development Ministry has drafted the Senior Citizens Bill (RUU) aimed at protecting the rights and well-being of the elderly, said Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She said the Bill, which would also include provisions to empower the elderly community, is expected to be presented next year.

Nancy said the ministry was also in the midst of reviewing the National Action Plan for Senior Citizens, adding that several non-governmental organisations (NGOs) would be invited to give their views to ensure the 2023-2030 action plan is inclusive and comprehensive for the well-being of the elderly.

"We welcome feedback and proposals from NGOs and the relevant parties in an effort to improve the standard of living of the elderly in Malaysia," she said.

She said it was important for the country to be prepared as Malaysia is expected to become an ageing nation by the year 2030. – Bernama

MINISTRY CONTINUES TO HELP WOMEN GENERATE INCOME, IMPROVE LIVING STANDARDS

<https://www.themalaysianinsight.com/s/438304>

Sumber : The Malaysia Insight



THE Women, Family and Community Development Ministry (KPWKM) successfully helped and guided 300 women who are breadwinners, single mothers and those who had lost their source of income through the MyKasih Kapital business mentoring course, an initiative under the Wanita Bangkit@KPWKM programme.

The ministry, in a statement, said that the course conducted in Lahad Datu, Sabah today was officiated by its Minister Nancy Shukri has received 4,130 participants so far.

“The ministry’s objective through the MyKasih Kapital initiative is to empower the economy of this group and improve the living standards of women who need immediate financial assistance to start a business through the help of MyKasih Kapital,” the statement read.

To date, the Bangkit@KPWKM Women’s Entrepreneurship Programme has guided and developed a total of 18,900 women across the country through entrepreneurship courses and business start-up guidance with the strategic collaboration of various departments, agencies and corporate companies.

This approach is to optimise individual potential based on skills in business to generate income, the statement read.

“The course provided is basic preparation for women to start e-commerce businesses, dropshipping and small businesses that are not under the entrepreneurship scheme offered by the Entrepreneur Development and Cooperative Ministry, the National Entrepreneurial Group Economic Fund and Amanah Ikhtiar Malaysia,” it said.

The ministry said that the ‘psycho-education’ aspect is the main focus of the programme so that the women involved are guided by registered counsellors from local social support centres, on how to recognise their own potential.

By recognising and sharing their own self-potential, participants can provide awareness and new knowledge through emotional support. They can build resilience to start a new life after loss of income due to the effects of the Covid-19 pandemic, divorce, physical or emotional abuse and increased cost of living.

The ministry is also committed to dignify women in socio-economic aspects and is confident that the initiative can help the affected group, the statement read. – Bernama, April 16, 2023.

IBU BAPA KENA TINDAKAN JIKA ANAK CEDERA MAIN MERCUN

<https://www.sinarharian.com.my/article/254707/berita/nasional/ibu-bapa-kena-tindakan-jika-anak-cedera-main-mercun>

Sumber : Sinar Harian



JOHOR BAHRU - Tindakan boleh dikenakan terhadap ibu bapa kepada kanak-kanak yang cedera akibat bermain mercun atas kesalahan pengabaian kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Aiman Athirah Sabu berkata, ibu bapa perlu sentiasa memantau dan mengawasi anak-anak mereka ketika bermain mercun atau bunga api.

Beliau berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001 sekiranya pengabaian berlaku.

“KPWKM ingin ingatkan ibu bapa supaya sentiasa memantau anak-anak yang bergembira (bermain mercun atau bunga api), kerana kita tidak mahu perayaan berakhir dengan kesedihan.

“Anak-anak sepatutnya dipantau sentiasa dan jangan terlepas pandang. Sekiranya berlaku, jika di peringkat kementerian boleh ditafsirkan sebagai pengabaian yang boleh diambil tindakan di bawah Akta Kanak-Kanak 2001,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Memacu Kehidupan: Hari Raya Aidilfitri 2023 anjuran Yayasan Petronas Asrama Akhlak (L) Kempas di sini pada Jumaat.

Aiman Athirah mengulas mengenai Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan yang membenarkan aktiviti pembakaran serta penjualan bunga api dan mercun di negara ini.

Sehingga kini, dianggarkan lima kanak-kanak cedera akibat bermain mercun melibatkan kes di Kedah dan Terengganu.

Aiman Athirah memberitahu, walaupun kegiatan menjual mercun dan bunga api telah dibenarkan, itu bukan alasan untuk ibu bapa membenarkan anak-anak bermain tanpa pemantauan orang dewasa.

JABATAN PEMBANGUNAN KANAK-KANAK AKAN DITUBUH AWAL 2026

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/jabatan-pembangunan-kanak-kanak-akan-ditubuh-awal-2026/>

Sumber : Utusan



JOHOR BAHRU: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ([KPWK](#)) memberi jaminan cadangan penubuhan Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak mampu direalisasikan seawal 2026.

Timbalan Menterinya, Aiman Athirah Sabu berkata, pihak kementerian kini dalam proses kajian penstrukturan dan penyusunan semula operasi membabitkan agensi dan jabatan di bawah KPWK.

Beliau berkata, pihaknya juga sedang mengadakan perbincangan bersama Jabatan Perkhidmatan Awam dan Kementerian Kewangan bagi membolehkan kementerian mendapatkan bajet khusus pelaksanaan jabatan itu di peringkat awal.

“Perkara ini masih dalam peringkat fasa awal dan insya-Allah, kita yakin dan percaya pada 2026, jabatan ini boleh beroperasi sebagai agensi yang berdiri di bawah kementerian.

“Jadi doakan kami, saya yakin dan percaya ini adalah hasrat semua orang untuk melihat satu agensi Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak ini dapat diwujudkan dengan berjaya,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akhbar selepas merasmikan Program Memacu Kehidupan: Hari Raya Aidilfitri 2023 anjuran Yayasan Petronas Asrama Akhlak (L) Kempas, di sini semalam.

Yang turut hadir Ketua Komunikasi Strategik Kumpulan Petronas, Anita Azrina Abdul Aziz.

Februari lalu, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Sri Nancy Shukri berkata, KPWK bercadang untuk menubuhkan Jabatan Kanak-Kanak bagi menangani isu kanak-kanak termasuk jenayah terhadap mereka termasuk melibatkan isu penderaan dan pengabaian.

Menterinya berkata, sebelum ini, kementerian itu sudah mencadangkan perkara itu kepada Kabinet, namun ia ditolak kerana membabitkan peruntukan yang terlalu besar.

Nancy dilaporkan berkata, penubuhan jabatan itu sudah dipersetujui secara prinsipal oleh Kabinet termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Mengulas lanjut, Aiman Athirah memberitahu, sudah sampai masanya untuk negara memberikan perhatian kepada keselamatan kanak-kanak seperti yang termaktub di bawah Akta Kanak-Kanak 2001.

“Mengikut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes pengabaian dan penderaan kanak-kanak sehingga membawa maut meningkat sebanyak 200 peratus. Jumlah itu meningkat daripada 24 kes pada 2021 kepada 74 kes pada tahun lalu.

“Sebab itulah kita di peringkat kementerian fokus kami jelas dan konsisten untuk menubuhkan segera Jabatan Pembangunan Kanak-kanak supaya kita boleh memberi perhatian yang lebih berstruktur terhadap isu terkait kanak-kanak ini.

“Kita akan memastikan pelaksanaan terhadap Akta Kanak-kanak ini tidak terabai dan tidak akan terlepas pandang dari apa sudut sekali pun,” ujarnya. – [UTUSAN](#)

KERAJAAN SARAWAK KOMITED TANGANI MASALAH GELANDANGAN

<https://tvstv.my/2023/04/15/kerajaan-sarawak-komited-tangani-masalah-gelandangan/>

Sumber : TVSTV



LIMBANG, 15 April: Kerajaan Sarawak melalui Kementerian Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWK) terus cakna terhadap masalah gelandangan di negeri ini.

Timbalan Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Sarawak (M-FICORD) Datuk Dr. Abdul Rahman Ismail berkata, pelbagai bantuan digerakkan menerusi inisiatif di bawah kementerian itu termasuk gelandangan di Limbang.

Beliau berkata, setiap tahun operasi menyelamatkan gelandangan turut dilakukan kementerian itu merangkumi beberapa kawasan di Kuching, Miri, Bintulu, Sibu termasuk Limbang.

“Menteri KPWK Dato Sri Fatimah Abdullah memang sangat prihatin terhadap kebajikan gelandangan ini yang mana saban tahun kementerian bersama dengan agensi kerajaan yang berkenaan termasuk polis dan juga hospital memang melakukan rondaan berkala di bandar-bandar besar.

“Ia termasuk di Kuching, Sibu, Miri dan di Limbang juga turut diadakan,” katanya ketika ditemui media selepas Majlis Sejambak Kasih Raya 2023 Bahagian Limbang di Purnama Hotel hari ini.

Hadir sama ialah Pegawai Daerah Limbang, Sulaman Engal, wakil Residen Limbang, Aspalela Sahmoni dan Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Limbang, Wan Hasif Wan Jamari.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kota itu menjelaskan Limbang mempunyai mekanisme terbaik dalam menangani masalah gelandangan di utara negeri ini dengan mengenal pasti gelandangan untuk diselamatkan.

“Memang kita akui ada gelandangan yang sangat kritikal dan sudah dikenal pasti di Limbang. Siasatan sudah dijalankan sama ada dia ada masalah mental supaya dapat dihantar ke hospital dan juga menyiasat latar belakang keluarganya dan sebagainya.

“Hasil siasatan didapati gelandangan ini tidak mempunyai masalah dari segi mental dan mereka sihat serta mempunyai keluarga tapi dia memilih hidup seperti ini dan sekarang ini kita sedang menunggu perintah mahkamah untuk menghantar dia ke Rumah Desa Bina Diri di Kuching,” katanya lagi.

Beliau berharap masyarakat lebih cakna mengenai masalah itu dengan melaporkan kepada pihak berkaitan seperti JKM selain perhatian daripada ahli keluarga gelandangan yang terlibat.

Pada majlis yang sama, seramai 100 penerima terdiri daripada golongan ibu tunggal dan penerima bantuan JKM menerima hamper dan sumbangan duit raya. – TVS

KANAK-KANAK BERUSIA SETAHUN ANTARA 6 PENGEMIS DITAHAN

<https://www.sinarharian.com.my/article/254803/berita/semasa/kanak-kanak-berusia-setahun-antara-6-pengemis-ditahan>

Sumber : Sinar Harian



KOTA TINGGI - Seorang kanak-kanak perempuan berusia setahun antara enam individu ditahan dalam Operasi Bersepadu ke atas pendatang asing di tiga lokasi berasingan di sekitar daerah ini pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Superintendan Hussin Zamora berkata, kesemua mereka yang berusia lingkungan setahun hingga 66 tahun itu ditahan menerusi operasi dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) antara 2 hingga 4 petang.

Beliau berkata, selain kanak-kanak itu, turut ditahan ialah seorang lelaki, ibu kepada kanak-kanak berkenaan serta abang kanak-kanak itu yang berusia tiga tahun, kesemuanya dipercayai warga Myanmar yang mengemis.

Menurut Hussin, pihaknya turut menahan dua lelaki tempatan disyaki terlibat dengan kegiatan itu, sebelum keduanya diserahkan kepada JKJ untuk tindakan dokumentasi.

"Empat warga asing itu diserahkan kepada JIM untuk tindakan lanjut di bawah Akta Imigresen," katanya dalam kenyataan malam Ahad.

Hussin berkata, operasi bersepadu itu bertujuan mengesan dan menangkap bagi menyekat banjiriran pengemis di sekitar Kota Tinggi. – Bernama

WANITA ROHINGYA BAWA DUA ANAK JUAL TISU MENANGIS DICEKUP PIHAK BERKUASA

https://www.kosmo.com.my/2023/04/16/wanita-rohingya-bawa-dua-anak-jual-tisu-menangis-dicekup-pihak-berkuasa/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=wanita-rohingya-bawa-dua-anak-jual-tisu-menangis-dicekup-pihak-berkuasa

Sumber : Kosmo



KOTA TINGGI – Seorang wanita warga Myanmar berketurunan Rohingya menangis selepas dia bersama dua anak berusia 3 hingga 5 tahun dicekup dalam Op Bersepadu Pengemis Pendatang Tanpa Izin di sekitar Bandar Kota Tinggi hari ini.

Wanita berusia 40 an yang merupakan pemegang kad Agensi Pelarian Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNHCR) telah tamat tempoh itu merayu supaya dilepaskan dan berjanji tidak akan melakukan perbuatan mengemis.

Timbalan Ketua Polis Daerah Kota Tinggi, Deputy Superintendan, Nik Azaham Nik Aziz berkata, wanita terbabit antara enam yang ditahan dalam operasi tersebut dan hasil siasatan mendapati ada antara pengemis itu datang dari luar negara dan terdiri dari mualaf.

“Ibu Pejabat Polis Daerah Kota Tinggi dengan kerjasama Jabatan Imigresen, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) telah adakan ops bersepadu kesan pengemis dalam daerah ini bermula pukul 2. 30 sehingga 4.30 petang tadi.

“Hasil tinjauan di bandar Kota Tinggi pihak kami telah berjaya menahan tiga lelaki, satu perempuan Myanmar dan dua kanak-kanak Myanmar berada di kawasan bank minta sedekah tanpa ada kebenaran pihak Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ).

“Kesemua tangkapan ini diserahkan kepada pihak Imigresen selebihnya diserahkan kepada JKJ. Kes disiasat dibawah Seksyen 27 (c) Akta Kesalahan Kecil 1955 dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63,” katanya pada sidang media selepas operasi tersebut di IPD Kota Tinggi.

Nik Azaham berkata, pihaknya telah mengenal pasti beberapa lokasi yang menjadi tumpuan bagi pengutip derma yang mensasarkan kawasan orang ramai seperti bazar Ramadan dan pasar malam

“Kepada orang ramai kita nasihatkan agar salurkan derma kepada saluran yang disahkan dan diperakui MAINJ dan jabatan-jabatan lain terutama majlis zakat dan lain-lain, ” katanya. – KOSMO! ONLINE

KANAK-KANAK AUTISME HILANG DARI RUMAH

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/04/1090054/kanak-kanak-autisme-hilang-dari-rumah>

Sumber : Berita Harian



KUCHING: Kanak-kanak autisme berusia tujuh tahun dipercayai hilang di Kampung Bunga Rampai, Jalan Batu Kitang di sini, hari ini.

Difahamkan Andrine Johnnes ak Anne yang selama ini tidak dibenarkan keluar dari rumah mungkin keluar melalui pintu belakang yang menghadap kawasan hutan berdekatan.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sarawak berkata, pihaknya menerima laporan berhubung kes itu jam 9.13 malam dengan menggerakkan anggota Balai Bomba dan Penyelamat(BBP) Bau.

"Berdasarkan maklumat ahli keluarga, mangsa disedari tiada serta hilang di rumah pada jam 2.30 petang.

"Terdapat saksi mengatakan ada melihat kanak kanak ini dengan kali terakhir dilihat memakai baju merah dan masih menggunakan lampin tanpa berkasut serta tanpa selipar," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya, keluarga mangsa dan penduduk kampung keluar berusaha mencari mangsa sekitar dua kilometer dari tempat kejadian, namun masih gagal menjumpai sebarang petunjuk atau jejak mangsa.

"Pihak bomba bersama polis mendapatkan maklumat keterangan mangsa yang dilaporkan hilang.

"Pencarian awal dilakukan di sekitar kawasan belakang rumah namun tiada dijumpai petunjuk mangsa," ujarnya.

Katanya, perbincangan bersama pihak bomba serta pihak polis dan keluarga mangsa dibuat, operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) ditangguhkan.

Operasi SAR ditangguhkan pada jam 10.40 malam dan akan disambung esok hari.

DUA KANAK-KANAK LEMAS KETIKA MANDI SUNGAI

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/dua-kanak-kanak-lemas-ketika-mandi-sungai/>

Sumber : Utusan



SEGAMAT: Dua kanak-kanak lelaki ditemukan [lemas](#) ketika mandi di Sungai Pulau Jering, Kampung Bukit Tunggal di sini, petang semalam.

Ketua Polis Daerah Segamat, Superintenden Ahmad Zamry Marinsah berkata, pihaknya menerima laporan polis daripada keluarga mangsa kira-kira pukul 5.10 petang.

“Kedua-dua mangsa disedari lemas oleh salah seorang bapa kanak-kanak tersebut yang kebetulan melalui kawasan berkenaan sebelum meminta bantuan orang awam.

“Dengan bantuan penduduk kampung, kedua-dua mangsa berjaya dikeluarkan dari sungai berkenaan dalam keadaan tidak sedarkan diri. Kedua-dua mangsa disahkan meninggal dunia di sebuah klinik swasta di sini,” katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Mangsa dikenal pasti sebagai Muhammad Khalifi Kamaruzaman, 13, dan Ahmad Muhammad Ibnu Hermee, 12.

Tambah Ahmad Zamry, kedua-dua kanak-kanak terbabit adalah murid Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Tunggul dan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jementah.

Menurutnya, siasatan awal di tempat kejadian mendapati kedua-dua mangsa pergi untuk mandi di sungai berkenaan.

Ahmad Zamry berkata, kedua-dua mangsa seterusnya dikejarkan ke sebuah klinik swasta terdekat namun disahkan meninggal dunia.

“Bedah siasat dijalankan di Jabatan Forensik Hospital Daerah Segamat (HDS) hari ini bagi mengenal pasti punca kematian. Tiada sebarang unsur jenayah ke atas kematian kedua-dua mangsa. Kes diklasifikasikan sebagai laporan mati mengejut (SDR,” katanya. – [UTUSAN](https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-kesan-doktor-wanita-bantu-siasatan-kes-rogol-remaja/)

POLIS KESAN DOKTOR WANITA BANTU SIASATAN KES ROGOL REMAJA

<https://www.utusan.com.my/nasional/2023/04/polis-kesan-doktor-wanita-bantu-siasatan-kes-rogol-remaja/>

Sumber : Utusan



PETALING JAYA: Polis mengesan seorang doktor bagi membantu siasatan kes rogol gadis berusia 16 tahun pada 12 Mac lalu.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintenden Ahmad Faizal Tahrir, berkata, polis menerima maklumat berhubung perkara itu pukul 4.40 petang melalui panggilan telefon.

“Pengadu warga tempatan yang bekerja sebagai doktor di klinik kesihatan ibu dan anak Jitra, Kedah memaklumkan pesakitnya (remaja perempuan) ketika pemeriksaan mengadu sakit perut, loya dan tidak datang bulan.

“Hasil pemeriksaan mendapati pesakit itu tidak mengandungi dan memaklumkan kepada doktor dia pernah melakukan hubungan seks bersama teman lelaki,” katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Ahmad Faizal berkata, siasatan mendapati saksi penting dalam kes ini adalah seorang doktor bernama yang bertugas semasa menerima pesakit tersebut.

“Hebahan ini bertujuan meminta doktor tersebut menghadiri diri ke Bahagian Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Hulu Selangor atau menghubungi segera Pegawai Penyiasat Jenayah iaitu Inspektor Zulaikha Mohamed di talian 03-60641222,” katanya. – [UTUSAN](#)

WANITA MENANGIS ATAS JAMBATAN TERTEKAN BUKAN MAHU BAHAYAKAN DIRI – POLIS

<https://malaysiagazette.com/2023/04/15/wanita-menangis-atas-jambatan-tertekan-bukan-mahu-bahayakan-diri-polis/#>

Sumber : Malaysia Gazette



KUALA LUMPUR – Seorang wanita di atas Jambatan Wawasan Presint 2 di Putrajaya semalam bukan berniat untuk membunuh diri sebaliknya hanya mahu menenangkan perasaannya sahaja.

Ketua Polis Daerah Putrajaya, Asisten Komisioner A. Asmadi Abdul Aziz berkata, siasatan mendapati wanita yang berumur 30-an itu tertekan kerana keputusan mahkamah ke atas satu tuntutan sivil tidak berpihak kepadanya dan dikehendaki sejumlah wang atas keputusan tersebut.

“Wanita tersebut telah pergi ke jambatan berkenaan lebih kurang 11 pagi semalam dan orang awam yang melalui jambatan tersebut melihat mangsa dalam keadaan menangis dan berjaya memujuknya.

“Pihak polis mendapat makluman daripada panggilan MERS 999 dan telah membawa wanita tersebut ke Balai Polis Presint 7 untuk siasatan lanjut,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Terdahulu, tular sebuah video TikTok yang menunjukkan wanita tersebut sedang menangis dan berada dalam keadaan mencurigakan di atas jambatan.

Menurut A. Asmadi, keluarga mangsa telah dipanggil untuk membantu siasatan dan kemudian dirujuk ke Hospital Putrajaya untuk menerima rawatan lanjut.

Susulan itu, beliau berkata, orang awam dinasihatkan agar tidak membuat sebarang spekulasi berkaitan kejadian itu dan menghubungi pihak berwajib sekiranya mempunyai sebarang masalah serta tidak mengambil tindakan secara melulu. – MalaysiaGazette

WANITA KEMATIAN SUAMI MAHU KUAT DEMI 4 ANAK

<https://www.kosmo.com.my/2023/04/17/wanita-kematian-suami-mahu-kuat-demi-4-anak/>

Sumber : Kosmo



BERA – Kematian suami akibat jangkitan kuman pada bulan lalu merentap kebahagiaan seorang wanita apabila dia kini terpaksa menggalas tanggungjawab sebagai ketua keluarga bagi membesarkan empat anak yang berusia empat hingga 12 tahun.

Kematian arwah Mohd. Taufiq Taib, 35, juga membuatkan Sahzuazmira Zulkifli, 34, menyambut Hari Raya Aidilfitri buat pertama kalinya dalam suasana sayu tanpa suami di sisi.

Sahzuazmira berkata, kematian suaminya pada 21 Mac lalu memberi impak besar dalam kehidupannya yang bukan sahaja kehilangan ketua keluarga, malah mata pencarian untuk menyara mereka enam beranak.

Menurutnya, selepas kehilangan suami tercinta, dia dan anak-anaknya terpaksa berpindah ke rumah ibu bapanya di Kampung Imam Sulong di sini selain menukarkan anak-anak di sekolah yang berdekatan.

“Saya sendiri perlu mencari kerja untuk mengambil alih tugas suami, insya-Allah saya pernah bekerja sebelum ini, jadi harapnya tidak ada masalah untuk bekerja semula, mungkin selepas Hari Raya Aidilfitri ini.

“Walaupun sukar untuk menghadapi dugaan ini, namun saya reda dengan ketentuan Ilahi dan akan berusaha bagi memastikan emosi anak-anak tidak terjejas akibat kehilangan bapa mereka,” katanya.

Bercerita mengenai penyakit arwah suaminya, Sahzuazmira memberitahu, pada mulanya dia sekeluarga beranggapan lelaki itu hanya demam biasa walaupun kerap diserang demam selama kira-kira dua bulan.

Jelas wanita itu, setiap kali pergi ke klinik, arwah suaminya hanya dimaklumkan mengalami demam biasa sebelum lelaki itu melakukan pemeriksaan di hospital.

Jelas Sahzuazmira, suaminya disahkan dijangkiti demam tanah hanya selepas keputusan bedah siasat ke atas mayat lelaki itu dijalankan.

Pada masa ini, Sahzuazmira bergantung dengan wang simpanan arwah suami untuk perbelanjaan harian dan persekolahan anak-anak.

“Saya akan mencari kerja dalam masa terdekat ini memandangkan simpanan sudah semakin susut dan bapa yang sudah berusia dalam lingkungan 70-an juga sudah tidak boleh bekerja lagi,” ujarnya.

Orang ramai yang ingin menghulurkan bantuan boleh berbuat demikian menerusi akaun Maybank bernombor 156012332216 atas nama Shazuazmira Zulkifli atau menghubungi talian 012-9606037. -KOSMO! ONLINE

WANITA WARGA EMAS DITEMUI MENINGGAL DUNIA DALAM BILIK TIDUR

<https://www.sinarharian.com.my/article/254800/berita/semasa/wanita-warga-emas-ditemui-meninggal-dunia-dalam-bilik-tidur>

Sumber : Sinar Harian



HULU SELANGOR - Panggilan tidak bersahut merungkaikan penemuan seorang wanita warga emas yang meninggal dunia di rumahnya di Kampung Dagang Setia, Kuala Kubu Bharu, di sini, pada Ahad.

Ketua Polis Daerah Hulu Selangor, Superintendan Ahmad Faizal Tahrir berkata, dalam kejadian kira-kira jam 4.59 petang itu, rumah mangsa didatangi adik iparnya.

"Adik ipar mangsa memanggil mangsa berulang kali namun tidak bersahut sebelum menemui mangsa yang dalam keadaan terbaring di dalam biliknya.

"Adik ipar mangsa kemudian menghubungi pihak hospital memaklumkan berkaitan kejadian," katanya menerusi kenyataan pada Ahad.

Katanya, mangsa berumur 60 tahun itu disahkan meninggal dunia oleh petugas perubatan yang hadir ke lokasi.

"Siasatan dijalankan pihak polis mendapati tiada unsur jenayah berkaitan kejadian.

"Siasatan lanjut berkaitan kejadian masih dijalankan dan kes diklasifikasikan sebagai kematian mengejut," katanya.

WANITA CHINA 'PUKAU' WARGA EMAS SERAH WANG TUNAI, BARANG KEMAS

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/04/956866/wanita-china-pukau-warga-emas-serah-wang-tunai-barang-kemas>

Sumber : Harian Metro



Alor Setar: Dua wanita warga China dan lelaki tempatan ditahan polis kerana disyaki terbabit sindiket penipuan secara pukau yang menyasarkan warga emas di negeri ini.

Ketua Polis Kedah, Datuk Wan Hassan Wan Ahmad berkata, mereka ditahan dalam Op Gagak yang digerakkan pada 11.45 pagi semalam, selepas sepasukan pegawai dan anggota mengekori kereta mereka di Simpang Kuala di sini.

"Lelaki tempatan berusia 24 tahun itu mengaku bertindak sebagai pemandu kepada dua wanita warga China yang berusia 47 dan 55 tahun yang menjalankan aktiviti penipuan secara pukau bersemuka dengan menyasarkan warga emas.

"Hasil semakan mendapati sehingga kini terdapat satu kes dilaporkan dalam daerah Kota Setar membabitkan seorang suri rumah lingkungan usia 70 tahun yang kerugian anggaran RM110,000.

"Ketiga-tiga kemudian dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Setar untuk tindakan lanjut," katanya dalam kenyataan, hari ini.

Wan Hassan berkata, kes yang dilapor pada 12 April itu berjaya diselesaikan dalam tempoh kurang 24 jam dan siasatan dibuat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, pihaknya merampas seutas jam tangan jenama Rolex, dua utas rantai leher dan sebentuk cincin perak disyaki emas putih, tujuh pasang subang emas, enam utas rantai leher, empat utas gelang kaki emas dan lima bentuk cincin emas .

"Turut ditemui, bar bertulisan disyaki emas, sepasang subang perak, empat loket emas serta wang tunai bercampur-campur sebanyak RM1,667, termasuk wang tunai mata wang Yuan China

iaitu 700 Yuan, mata wang Hong Kong bernilai 1,000, beg silang biru serta tiga telefon bimbit dan sebuah kereta Honda City," katanya.

Katanya, sindiket itu dipercayai aktif sejak dua bulan lalu dan menyewa kenderaan bagi memudahkan pergerakan.

Katanya, modus operandi mereka dengan mengenal pasti mangsa di sekitar pasar pagi dan berpura-pura meminta bantuan kewangan dengan alasan mempunyai saudara yang sakit.

"Mereka akan mendorong mangsa untuk menyerahkan wang, barang kemas atau barangan berharga dan menjanjikan pulangan semula yang lumayan sebagai balasan terhadap bantuan diberikan.

"Bagaimanapun sewaktu pemulangan semula bantuan terbabit, mangsa mendapati hanya terdapat air mineral dan garam yang diletakkan dalam sampul," katanya.

Sehubungan itu, Wan Hassan menasihati orang ramai supaya mengambil langkah berhati-hati seperti tidak mudah percaya terhadap rayuan individu yang tidak dikenali.

WARGA EMAS DITEMUKAN MATI DALAM RUMAH TERKUNCI DI TAWAU

<https://wartaoriental.com/2023/04/16/warga-emas-ditemukan-mati-dalam-rumah-terkunci-di-tawau/>

Sumber : Warta Oriental



TAWAU: Seorang wanita warga emas ditemukan mati di rumahnya yang terkunci dari dalam di sini pagi tadi.

Ketua Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Tawau, TPgB Jemishin Ujin berkata, kejadian berlaku di Kampung Tanjung Batu Tengah, pada kira-kira jam 8 pagi.

“Panggilan diterima menerusi talian MERS999 pada jam 8.53 pagi dan sepasukan lapan anggota diketuai Komander Operasi, PBK II (KUP) Sariah Saim berkejar ke lokasi itu.

“Setiba di tempat kejadian yang terletak empat kilometer dari BBP itu, didapati seorang mangsa terlibat warga emas perempuan yang kemudiannya disahkan meninggal dunia oleh pegawai perubatan KKM.

“Mangsa yang dikenalpasti sebagai Indoktang dan berumur 70-an itu diserahkan kepada pihak polis untuk tindakan lanjut,” katanya.

Setelah memastikan tiada kemerbahayaan lain operasi ditamatkan pada jam 10 pagi.

KANAK-KANAK OKU DAKWA DICABUL PENGAWAL KESELAMATAN

<https://www.utusan.com.my/berita/2023/04/kanak-kanak-oku-dakwa-dicabul-pengawal-keselamatan/>

Sumber : Utusan



SEREMBAN: Seorang kanak-kanak perempuan yang juga orang kurang upaya (OKU) masalah pendengaran berusia 16 tahun didakwa telah dicabul oleh seorang pengawal keselamatan di sebuah pangsapuri di Nilai di sini semalam.

Ketua Polis Daerah Nilai, Superintenden Abdul Malik Hasim berkata, siasatan awal mendapati kejadian pada pukul 4 petang itu berlaku ketika mangsa yang sedang berbual dengan rakannya di hadapan lif telah didatangi oleh seorang lelaki yang merupakan pengawal keselamatan di pangsapuri tersebut.

“Pengawal keselamatan tersebut telah menyuruh rakan mangsa pulang ke rumah dan seterusnya dia telah menghantar mangsa pulang ke rumahnya.

“Dalam perjalanan pulang ke rumah, suspek telah memegang beberapa bahagian tubuh mangsa serta meminta mangsa untuk mencium pipi suspek,” katanya dalam kenyataan hari ini.

Abdul Malik berkata, mangsa yang ketakutan kemudiannya telah lari pulang ke rumah dan seterusnya datang ke Balai Polis Nilai untuk membuat laporan polis.

“Kes disiasat di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan siasatan lanjut masih diteruskan,” katanya.

Beliau berkata, orang ramai yang mempunyai maklumat berhubung kejadian ini diminta supaya menghubungi Pegawai Penyiasat Jenayah Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nilai, Inspektor Ahmad Kamil Rusli bagi di talian 06-7904222 bagi membantu siasatan.

Sementara itu, bapa mangsa berusia 44 tahun yang tidak mahu dikenali berkata, kejadian itu membuatkan anaknya yang merupakan OKU masalah pendengaran berdepan trauma.

Menurutnya, dia berharap suspek dapat ditahan segera dan dikenakan tindakan sewajarnya.

“Saya tahu kejadian ini selepas anak sulung beritahu yang adiknya dicabul. Kedua-dua anak saya memang tinggal di situ dan anak saya masih terkejut dengan kejadian berlaku,” katanya.-
UTUSAN.